



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
**BILANGAN 4 TAHUN 2022**

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**TATACARA PENGURUSAN PINDAHAN ASET ANTARA JABATAN/PTJ DI  
SISTEM iSPEKS BAGI JABATAN KERAJAAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN**

---

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan berkenaan proses untuk memindahkan hak milik aset di antara Jabatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan bagi melaksanakan **Proses Perakaunan** berkaitan pindahan aset antara Jabatan/PTJ.
- 2.2 Sebahagian daripada perolehan aset dibeli oleh sesebuah Jabatan/PTJ kemudiannya diserahkan kepada Jabatan/PTJ lain. Aset-aset tersebut walaubagaimanapun diperakaunkan dibawah Jabatan/PTJ yang membuat perolehan sedangkan **aset fizikal ditempatkan di jabatan/PTJ lain**.

**3. PENGURUSAN PERAKAUNAN PINDAHAN ASET ALIH JABATAN/PTJ**

**3.1 Proses Pindahan Aset**

- (i) Jabatan/PTJ yang membuat perolehan aset hendaklah melaksanakan pendaftaran aset di Modul Pengurusan Aset Dan Inventori (AIM) di Sistem iSPEKS sehingga selesai **cetakan barkod**.

- (ii) Sekiranya berlaku perpindahan aset, Jabatan/PTJ yang membuat perolehan aset hendaklah membuat proses pindahan aset melalui Modul Pengurusan Aset Dan Inventori (AIM) di Sistem iSPEKS.

### **3.2 Tatacara Perakaunan Bagi Jabatan Pemindah Aset**

- (i) Jabatan/PTJ hendaklah menyediakan rekod baru di Skrin **Penyerahan/Pengawasan/Pindahan Aset** melalui Modul Aset Dan Inventori (AIM) di Sistem iSPEKS.
- (ii) Jabatan perlu memastikan perkara-perkara berikut diberi perhatian semasa proses pindahan aset dilakukan di Sistem iSPEKS :
- (a) **Kelas aset** – Contohnya : Hartanah/loji/peralatan.
  - (b) **Kategori aset** – Contohnya : Tanah/peralatan/bangunan.
  - (c) **Kategori nilai aset** – Harta modal/aset bernilai rendah.
  - (d) **Senarai rekod yang hendak dipindahkan dipaparkan pada skrin carian.**
  - (e) **Tarikh pindahan hendaklah dimasukkan dengan betul.**
- (iii) Proses pindahan aset bagi jabatan pemindah adalah :
- (a) Penyedia PTJ perlu **menyediakan rekod baharu**
  - (b) Pelulus PTJ perlu **meluluskan pindahan aset**
  - (c) Mencetak Laporan Kewangan - **Senarai Aset Yang Dipegang**
  - (d) Mencetak Laporan Pengurusan - **Laporan Pindahan Aset**

### **3.3 Tatacara Perakaunan Bagi Jabatan Penerima Aset**

Jabatan/PTJ penerima hendaklah membuat penerimaan ke atas aset yang dipindahkan melalui Modul AIM.

- (i) **Pelulus 2 PTJ** perlu **meluluskan (penerimaan)** pindahan aset.
- (ii) Mencetak Laporan Kewangan - **Senarai Aset Yang Dipegang**
- (iii) Mencetak Laporan Pengurusan - **Laporan Pindahan Aset**
- (iv) Mencetak **Kew PA 2 / Kew PA 3**

- (v) Mencetak Barkod baru di menu **Senarai Jana Barkod**.

#### **4. PEMAKAIAN**

Surat Pekeliling ini hendaklah diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman dan perlu dirujuk bersama :

- 4.1 Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)
- 4.2 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan : Pindahan ( AM 2.6 )
- 4.3 Surat Arahan Operasi Bil. 7 Tahun 2021 ( Pindahan Lokasi Aset Antara Jabatan – Sistem iSPEKS )
- 4.4 Surat Penyeragaman Format Borang-Borang (KEW.PA) Bagi Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan di dalam Modul AIM Sistem iSPEKS.

#### **5. TARIKH BERKUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

#### **6. HAL-HAL LAIN**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan/PTJ boleh merujuk kepada pihak berikut:

Helpdesk

Unit Perakaunan Dan Pengurusan Kewangan

Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah

Emel : pkpk\_akruan@kedah.gov.my

No. Tel : 04-7027789/7790/7791/7847

#### **7. PENUTUP**

Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, (C.A.M))**  
Bendahari Negeri  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

Tarikh :

s.k. Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan  
Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman.